



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**18 November 2020**  
**2 Rabiulakhir 1442H**

<b>SENARAI AKHBAR</b>	<b>TAJUK</b>
<b>Utusan Malaysia</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tuah nelayan OKU tangkap 100kg ikan cencaru</li></ul>
<b>Berita Harian</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Harian Metro</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Kosmo !</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Sinar Harian</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sumber perikanan lebih sistematik</li><li>• Sultan Johor kurnia enjin bot kepada lima nelayan</li></ul>
<b>The Star</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>New Straits Time</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Rough weather warning for fishermen, beachgoers</li></ul>
<b>Nanyang Siang Pau</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Malaysia Gazette</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Harakah</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Malaysia Dateline</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Bernama</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>See Hua Daily News (Kuching)</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Guan Ming Daily</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Sin Chew Daily</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		31	18/11/2020

# Tuah nelayan OKU tangkap 100 kg ikan cencaru

UM M/S 31  
18/11/2020

Oleh AMRAN MULUP  
utusannews@mediamulia.com.my

**MELAKA:** Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang berkuat kuasa di seluruh negara sejak 9 November lalu membawa rezeki melimpah ruah buat seorang nelayan dari Pantai Puteri, di sini.

Bayangkan jaring yang dilabuhkan kira-kira pukul 5 petang kelmarin berdekatan laluan kapal membawa tuah apabila dipenuhi ikan cencaru yang berat keseluruhan berjumlah 100 kilogram (kg).

Tidak tergambar wajah gembira Rizal Hashim, 49, sewaktu menarik jaring kira-kira pukul 1.30 tengah hari semalam dengan dibantu anak buahnya penuh sarat dengan ikan cencaru.

Dia yang juga nelayan orang kurang upaya (OKU) apabila hilang pergelangan tangan kanan akibat terkena mesin di kilang tempat dia bekerja 15 tahun lalu turut teruja sewaktu menarik jaring yang penuh dengan ikan tersebut.

“Sepanjang tahun ini terutama selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Mac lalu, inilah hari paling bertuah saya berjaya menjaring ikan cencaru yang dianggarkan keseluruhan berjumlah 100kg.

“Alhamdulillah sudah rezeki saya dan anak-anak. Tidak per-



**RIZAL Hashim (empat dari kanan) sambil dibantu rakan serta saudara-mara mengeluarkan ikan cencaru daripada jaring yang ditangkapnya di Pantai Puteri, Melaka, semalam. - UTUSAN/ AMRAN MULUP**

nah saya menjaring ikan yang begitu banyak. Apa pun saya bersyukur apa yang saya peroleh” ujarnya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Pantai Puteri, petang semalam.

Bercerita ketika mahu mengangkat jaring tersebut, ujar Rizal, dia mengalami kesukaran untuk menarik peralatan itu biar pun dibantu anak buahnya kerana ikan yang banyak dan pada masa sama berdepan ombak kuat.

Katanya, dia mengambil masa hampir empat jam sebe-

lum kesemua jaring yang dilabuhkan berjaya dibawa naik ke atas botnya.

“Biasanya selepas mengangkat jaring, ikan mula diasingkan tetapi melihat ikan yang dijangking terlalu banyak, saya terus memecut bot pulang ke pantai agar lebih mudah untuk mengeluarkan ikan daripada jaring,” ujarnya.

Sewaktu tiba di Pantai Puteri kira-kira jam 5 petang, dia terpaksa meminta tolong daripada saudara mara untuk membantu menge-

luarkan ikan daripada jaring.

Tidak lama kemudian, Rizal sambil dibantu isterinya terus menjual ikan cencaru segar yang ditangkapnya berhampiran tempat botnya berlabuh dengan harga RM6 setiap kilogram.

Menurutnya, salah satu faktor ikan cencaru terlalu banyak juga akibat peralihan angin dan rezeki tersebut sekurangnya dapat menampung kehidupan dia sebagai nelayan sepenuh masa bersama isteri serta tiga orang anak.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	✓	THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		9	18/11/2020

SINAR HARIAN • RABU 18 NOVEMBER 2020

9

# Sumber perikanan lebih sistematik

Hala tuju baharu Jabatan Perikanan tingkatkan hasil tangkapan negara



Vesel moden akan meningkatkan daya silih nelayan dan membuka ruang pasaran perikanan negara ke seluruh dunia.

Industri perikanan kian berkembang maju di Malaysia, namun tidak dinafikan pengguna di negara ini terus menghadapi isu bekalan dan kenaikan harga ikan.

Jaminan bekalan ikan sebagai salah satu sumber utama makanan akan terus menjadi cabaran besar seiring dengan perubahan iklim, faktor pengeluaran dan kenaikan harga talkala negara sedang berperang dengan pandemik Covid-19.

Peningkatan dari segi pemintaan bukan hanya disebabkan pertambahan penduduk tetapi turut melibatkan cita rasa pengguna. Bekalan ikan yang mencukupi bergantungan kepada daya maju perusahaan ini sekali gus mampu menjamin pendapatan golongan nelayan dan penternak ikan.

Pada tahun 2019, status penggunaan ikan perkapita (PCC) di negara ini adalah sebanyak 46.4kg/

orang dengan tahap sara diri (SSJ) mencecah 93%. Perikanan tangkapan yang merangkumi laut pantai dan laut dalam telah menyumbang sebanyak 1,455,446 tan metrik atau 77.7% bernilai RM11.336 bilion.

Sumber perikanan ditadbir urus di bawah Akta Perikanan 1985 disokong kajian saintifik. Sistem pelesenan vesel dilaksanakan untuk mengawal daya usaha tangkapan agar sumber dieksploitas secara mampan.

Pemeliharaan dan penuliharaan biodiversiti marin diperluatkan melalui perubahan tamon-laman laut, zon-zon konservasi, kawasan-kawasan refugia, Program Ecosystem Approach to Fisheries Management (EAFM), program tukar truan dan kawasan larangan perikanan.

Bagi memastikan sumber perikanan tangkapan negara kekal mampan,

pemantauan, pengawasan dan pengawalsiaian dilaksanakan untuk mencegah salah laku yang boleh menjejaskan sumber perikanan.

Merujuk kepada dasar sedia ada Jabatan Perikanan, permohonan permit vesel laut dalam zon C2 masih dibuka untuk beroperasi di kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Labuan, Sabah dan Sarawak. Ini sebagai satu langkah untuk meningkatkan penderatan perikanan tangkapan khususnya dari sektor laut dalam, Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Ahmad Tarmidzi Ramly berkata, Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI) telah memperkenankan Dasar Pemodenan Vesel Perangkapan Ikan untuk memajukan industri perikanan tangkapan negara setanding dengan negara seperti Jepun dan Kesatuan Eropah (EU).

Menurutnya, dasar berkenaan juga bertujuan membendung aktiviti perikanan secara haram, yang tidak dilaporkan dan tidak dikawal selia atau disebut sebagai Ilegal, Unreported and Unregulated (IUU).

"Kita fokuskan kepada pengusaha laut dalam atau zon C2 iaitu mereka yang menangkap melebihi 30 batu nautika ke atas dan muatan vesel melebihi 70 GRT.

"Transformasi ke arah pemodenan ini juga perlu melibatkan industri downstream, midstream dan upstream. Komponen fasiliti dan pengendalian ikan di kompleks pelabuhan perikanan juga perlu dinaiktaraf dan dilengkapi kemudahan asas dan moden untuk membantu aktiviti penderatan ikan yang lebih berdaya saing di dalam negara.

"Dasar ini juga secara tidak langsung bertujuan memajukan industri pembinaan vesel atau Shipyard di dalam negara," katanya kepada Sinar Harian.

### Teknologi baharu

Pengurusan pelesenan sedia ada diturus melalui sistem e-Lesen dan Malaysia Fishing Vessel Record (MFVR).



“Dasar ini untuk memajukan industri perikanan tangkapan negara setanding negara luar.”  
Ahmad Tarmidzi

Bagi memantapkan lagi pengurusan sektor perikanan tangkapan di negara ini, Ahmad Tarmidzi berkata, Jabatan Perikanan memperkenankan beberapa kaedah teknologi baharu.

Antara perubahan yang telah dan sedang dilaksanakan adalah Sistem Identiti Kasi Vesel (SIV) yang menggunakan teknologi kod QR dan RFID pula merupakan kaedah identifi kasi vesel bertujuan membanteras aktiviti pengkloran vesel di laut dan di pangkalan.

Turut dibangunkan, Sistem Fishing Sites Identification (FSI) iaitu kolaborasi bersama Jabatan Perikanan Malaysia, Agensi Pemrosesan Malaysia (ARSM), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) untuk meningkatkan produktiviti dan pengurangan kos operasi terutama di kalangan vesel pukal jerut.

Sementara itu, Sistem Electronic ASEAN Catch Documentation Scheme (eACDS) sedang dibangunkan dengan kerjasama Southeast Asian Fisheries Development Center (SEAFDEC).

Transformasi ke arah pemodenan ini juga perlu melibatkan industri downstream, midstream dan upstream. Komponen fasiliti dan pengendalian ikan di kompleks pelabuhan perikanan juga perlu dinaiktaraf dan dilengkapi kemudahan asas dan moden untuk membantu aktiviti penderatan ikan yang lebih berdaya saing di dalam negara dan setaraf serta mematuhi kualiti antarabangsa.

Melalui sistem ini, aktiviti Daya Jejak (traceability) perikanan tangkapan dapat dipantau dari atas vesel sehingga ke pengguna, selain memenuhi keperluan eksport ke negara Kesatuan Eropah.

"Kami akan terus menguji dasar-dasar baharu bagi memajukan dan memberkumkan industri perikanan kita. Ia penting agar seiring dengan keperluan instrumen domestik dan antarabangsa bagi perambahbaikan dan memudah cara pembajutah industri perikanan tangkapan secara keseluruhan," katanya.

Rejimempun katanya, kerjasama dan sokongan daripada pemain-pemain industri sangat diperlukan untuk memahatni dan mematuhi segala dasar serta perancangan kementerian.



Penggunaan ikan perkapita rakyat Malaysia merupakan antara yang tertinggi di dunia.





Perikanan tangkapan menyumbang 77.7% keluaran ikan negara dengan nilai RM11.336 bilion.

## PENGELUARAN PERIKANAN MALAYSIA 2019

NILAI RM15.26 bilion

1.87 JUTA T.M IKAN MAKAN 287.5 JUTA EKOR IKAN MASAM 51.7 JUTA IKAT TUMBUHAN AKLIATK



PERINGKATAN SEBANYAK 2.65% DARI SGGI NILAI (RM)

2010 RM14.66 B  
2019 RM15.26 B

PERINGKATAN SEBANYAK 1.21% DARI SGGI PENGELOMPOK

2018 1.85 JUTA T.M  
2019 1.87 JUTA T.M

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	✓	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN : POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		30	18/11/2020

## Sultan Johor kurnia enjin bot kepada lima nelayan

Siti NKS 30  
18/11/2020

**JOHOR BAHRU** - Lima nelayan dari Kampung Teluk Berhala, Pulau Aur, Mersing terharu apabila dikurniakan enjin bot oleh Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar.

Pengurniaan itu adalah susulan permintaan mereka yang telah diutarakan ketika lawatan spontan baginda ke Pulau Aur pada 28 Oktober lalu.

Menurut seorang penerima cajin berkenaan, Hazran

Harun, mereka semua menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Sultan Johor atas kurniaan enjin itu selepas mereka ajukan permintaan kepada baginda sebelum ini.

"Semoga Tuanku dilimpahi kesihatan, rezeki dan panjang umur," katanya selepas penyampaian enjin tersebut di pekarangan Istana Flinstones, Mersing semalam.

Turut hadir Pegawai Daerah Mersing, Asman Shah Abd Rahman.



Sultan Ibrahim (tengah), Asman (tiga dari kiri) dan lima nelayan yang menerima sumbangan enjin bot daripada Sultan Johor di pekarangan Istana Flinstones, Mersing semalam.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	✓	THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		15	18/11/2020

NST M/S 15 18/11/2020

### Rough weather warning for fishermen, beachgoers

**TUMPAT:** Fishermen have been advised against going to the sea following rough weather brought on by the monsoon. Kelantan police chief Deputy Commissioner Shafien Mamat also said the public should avoid the beach to prevent drowning incidents. "Heavy rain has started to hit some areas in Kelantan since Monday night. I would like to advise the people, especially parents, to stop their kids from going to the beach due to high waves and rough waters. Fishermen should remain vigilant at all times. They should pay attention to the weather forecast and adhere to rules set by the authorities." Shafien said he had met with other agencies involved in flood operations on Monday.